

Empat pembuli mengaku pukul junior

SEREMBAN - Empat pelajar lelaki senior sebuah sekolah menengah di daerah ini diperintahkan oleh Mahkamah Majistret Seremban untuk menjalani perintah khidmat masyarakat selama 160 jam selepas mengaku salah mencederakan seorang pelajar tingkatan satu di sekolah sama, Mei lalu.

Majistret Intan Syafinaz Roslin menjatuhkan hukuman itu terhadap empat remaja tersebut yang berusia antara 15 hingga 16 tahun setelah meneliti laporan akhlak yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pegawai pendakwa, Asisten Superintendan M. Shanmugavel berkata, mereka perlu menyelesaikan perintah khidmat masyarakat sebanyak 160 jam itu dalam tempoh enam bulan.

"Selain itu, mereka turut dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun bercagaran RM2,000.

"Mahkamah turut menetapkan supaya remaja terbabit menghadiri sesi kaunseling dan bengkel interaktif yang turut disertai ibu bapa dan penjaga," katanya, ketika ditemui di luar mahkamah semalam.

Pada 23 Mei lalu, kesemua remaja berkenaan mengaku bersalah atas pertuduhan memukul seorang pelajar lelaki berusia 13 tahun sehingga menyebabkan kecederaan.

Kesalahan itu dilakukan di as-



EMPAT pelajar senior diperintahkan untuk menjalani hukuman khidmat masyarakat selama 160 jam oleh Mahkamah Majistret Seremban semalam.



KERATAN Kosmo! 24 Mei 2022.

rama sebuah sekolah menengah di Seremban lebih kurang pukul 12 tengah malam, 13 Mei lalu.

Sehubungan itu, mereka

didakwa "mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dibaca bersama Kanun Seksyen 34 kanun yang sama.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan, seorang pelajar tingkatan satu sebuah sekolah projek sukan itu dipukul dan disepak sehingga mengalami lebam pada badan dalam kejadian pada pukul 12 tengah malam, 13 Mei lalu.

Akibat kejadian tersebut, mangsa mengalami lebam, sakit di bahagian badan, pinggul, tangan dan bahu selain baru disahkan mengalami retak di pergelangan tangan.